

Dasar ini telah dikemaskinikan terakhir pada 9 September 2015.

Polisi Privasi (“Dasar”) ini adalah untuk memaklumkan pengguna (“anda”) tentang polisi serta amalan JAG Systems Sdn Bhd (“kami”) dalam pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi yang telah kami perolehi dari anda.

Di JAG Systems Sdn Bhd, kami menangani serta mengendalikan maklumat peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”). Dasar ini dikeluarkan untuk memaklumkan anda berkenaan hak-hak anda mengenai maklumat peribadi (“Data Peribadi”) yang sedang ataupun akan diproses oleh kami atau bagi pihak kami.

UNTUK PENGETAHUAN PENGGUNA

Semasa anda berurusan dengan kami ataupun ejen-ejen yang disahkan (juga dirujuk sebagai “kami”) oleh kami, kami akan meminta anda mengemukakan Data Peribadi anda melalui cara-cara ataupun untuk tujuan yang tertera di bawah:

- a. Untuk menggunakan perkhidmatan kami;
- b. Semasa berinteraksi dengan kami;
- c. Untuk menjalankan sebarang urusan niaga dengan kami;
- d. Melalui penggunaan laman web kami.

Anda membenarkan Data Peribadi anda dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami. Definisi “mengendalikan” adalah seperti yang tertera dalam Akta, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) mengumpul, merekod, memegang, menyimpan dan mengendalikan.

PENERANGAN DATA PERIBADI

Definisi “Data Peribadi” adalah seperti yang tertera dalam Akta yang termasuk maklumat mengenai anda seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, nombor passport, alamat, jantina, tarikh lahir, butiran asas anak, status perkahwinan, pekerjaan, julat pendapatan, maklumat perhubungan, e-mel, majikan, bangsa, kaum etnik, kewarganegaraan, pilihan utama gaya hidup serta pilihan utama media.

TUJUAN

Data Peribadi yang anda mengemukakan akan dikumpul dan digunakan ataupun dikendalikan oleh kami untuk tujuan-tujuan yang tertera di bawah:

- a. Untuk menjalankan sebarang urusan niaga (perjanjian atau lain-lain) untuk pembelian produk/perkhidmatan kami;
- b. Untuk penghantaran notis, perkhidmatan atau produk serta untuk memasarkan perkhidmatan atau produk kami yang berkenaan kepada anda;
- c. Untuk pengendalian hubungan kami dengan pengguna;
- d. Untuk tujuan yang dinyatakan secara khususnya untuk perkhidmatan atau produk tertentu yang ditawarkan oleh kami.
- e. Untuk tujuan pemasaran serta kajian profil pengguna yang berkenaan perkhidmatan atau produk kami;
- f. Untuk penyimpanan rekod bahagian dalaman kami;
- g. Untuk mendapatkan pembayaran yang belum dijelaskan;
- h. Untuk pencegahan kegiatan jenayah (termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, dan rasuah);
- i. Mengikuti undang-undang ataupun kawalan yang berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan dan produk kami, serta untuk pendedahan maklumat mengikuti keperluan undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, panduan, pekeliling, dan kod yang berkaitan dengan kami ataupun mana-mana syarikat, pekerja-sama serta rakan kongsi perniagaan kami;
- j. Untuk tujuan berkaitan mana-mana perkara di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelidikan, penanda aras, analisis statistik dan tinjauan kepuasan pelanggan);
- k. Untuk membolehkan kami menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel, kaedah telekomunikasi, (panggilan telefon atau pesanan teks) dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga yang kami berasa anda berkemungkinan berminat. Walau bagaimanapun, semasa kami membuat sedemikian, Data Peribadi anda akan berada di dalam kawalan kami dan kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga yang tertentu tanpa kebenaran anda terdahulu.
- l. Untuk perkhidmatan selepas jualan, seperti program kesetiaan pelanggan;
- m. Untuk tujuan perancangan berkenaan produk-produk yang akan datang, pelancaran produk-produk terbaru dan aktiviti-aktiviti termasuk promosi dari mana-mana syarikat pekerja-sama serta rakan kongsi perniagaan kami.

SUBMER

Kami boleh mendapatkan Data Peribadi anda secara terus dari anda atau majikan anda. Di samping itu, kami juga boleh mendapatkan Data Peribadi anda melalui sumber-sumber yang berlainan, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) sumber-sumber yang berikut:

- a. Perjanjian, boring dan dokumen lain yang anda telah tandatangani ataupun diberi kepada kami untuk penggunaan kami;
- b. Rakan kongsi perniagaan atau kerjasama kami dengan pihak mana-mana yang berurusan dengan kami;
- c. Dari mana-mana acara, kursus, persidangan ataupun ceramah yang dianjurkan oleh kami;
- d. Sebarang kaedah lain yang dibenarkan dari segi undang-undang ataupun pencarian melalui pihak berkuasa/perbadanan/agensi atau agensi pelaporan kredit atau perbadanan/agensi lain yang dibenarkan dari segi undang-undang untuk mengumpul, mengguna atau mengendali Data Peribadi anda;
- e. Melalui cookies dari laman web kami.

HAK AKSES DAN PEMBETULAN ANDA

Anda boleh meminta akses untuk Data Peribadi anda (dengan bayaran tetap yang dikemukakan) untuk membuat pembetulan pada Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau ketinggalan masa jika diperlukan. Sebarang permintaan, pertanyaan atau aduan berkaitan Data Peribadi anda boleh dibawa kepada perhatian Eksekutif Khidmat Pelanggan kami di +603 7932 1181 atau melalui info@jagsystems.com.my.

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan penggunaan Data Peribadi anda oleh kami untuk tujuan yang berlainan daripada tujuan yang anda berikan maklumat anda kepada kami, anda boleh memaklumkan kepada kita melalui e-mel di info@jagsystems.com.my dan kami akan mengambil segala tindakan yang munasabah untuk memenuhi permintaan anda.

Jikalau kami tidak menerima sebarang balasan dari anda dalam bentuk tulisan dalam masa empat-belas (14) hari dari tarikh Dasar ini, kami akan menganggap bahawa anda telah meluluskan penggunaan Data Peribadi anda oleh kami. Walau bagaimanapun, anda boleh menamatkan kelulusan ini pada bila-bila masa.

PENDEDAHAN KEPADA PIHAK KETIGA

Data Peribadi yang diberi kepada kami secara amnya adalah sulit disimpan. Walau bagaimanapun, anda bersetuju dan membenarkan kami untuk memberi ataupun mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak kategori di bawah:

- a. Sesiapa yang kami dikehendaki atau diperlukan untuk bekerjasama sesama bawah undang-undang atau mengikut perintah pihak yang berkuasa atau agensi kerajaan;
- b. Mana-mana syarikat ataupun anak syarikat yang berkaitan dengan kami, termasuk syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan pada masa hadapan;
- c. Rakan kongsi perniagaan kami serta pihak-pihak pekerjaan kami yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan atau produk yang berkenaan dengan perniagaan kami;
- d. Agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan pengawal selia industri;
- e. Juruaudit, perunding, akauntan, peguam ataupun penasihat profesional yang lain;
- f. Pihak ketiga yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan ataupun produk untuk kami yang kami berasa perlu atau wajar.

HAK UNTUK MENGHADKAN PENGENDALIAN DATA PERIBADI

Tertakluk kepada hak dan batasan yang tertera dalam Akta, anda boleh menghadkan pengendalian Data Peribadi anda termasuk setakat mana ataupun tujuan mana Data Peribadi anda dikendalikan untuk dengan memberi notis berbentuk tulisan kepada kami pada bila-bila masa dengan menghantarkan notis tersebut kepada kami secara sendirian atau melalui pos berdaftar ke alamat kami seperti berikut:

JAG Systems Sdn Bhd

D-61-3A, Jaya One, 72A, Jalan Universiti,
Seksyen 13, 46200, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Sementara itu, kami juga ingin menyatakan bahawa butiran/kandungan berkenaan Keterangan/Perihal Data Peribadi, Tujuan dan Kategori Orang yang Data Peribadi anda mungkin dan boleh didedahkan kepada adalah yang diberikan oleh anda dan kami tidak dapat menasihatkan anda mengenai butiran/kandungan yang tertentu disebabkan maklumat tersebut berkait rapat dengan perniagaan/aktiviti operasi anda yang merupakan bidang eksklusif anda.

KESAN KEGAGALAN UNTUK MENGEMUKAKAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda diberikan kepada kita oleh anda secara sukarela. Walau bagaimanapun, untuk memenuhi syarat-syarat tertentu bagi mendirikan perjanjian, anda diwajibkan untuk mengemukakan Data Peribadi anda yang diperlukan sebelum mana-mana urusan niaga boleh dijalankan.

Kegagalan untuk mengemukakan Data Peribadi akan:

- a. Menyebabkan kami tidak dapat memberikan anda notis, perkhidmatan ataupun produk yang diminta;
- b. Menjejaskan keupayaan anda untuk menjalankan sebarang urusan niaga berkenaan pembelian ataupun penggunaan produk ataupun perkhidmatan kami;
- c. Menyebabkan kami tidak dapat memaklumkan anda tentang produk terkini kami, perkhidmatan, promosi ataupun pelancaran.

PEMINDAHAN DATA PERIBADI

Sekiranya kami berasa perlu ataupun wajar untuk tujuan penyimpanan data atau pengendalian atau memberikan mana-mana perkhidmatan atau produk bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindah Data Peribadi anda kepada ahli kumpulan kami atau pembekal perkhidmatan atau produk pihak ketiga di luar ataupun dalam negara, dengan syarat-syarat untuk mengekalkan kesulitan dan perlindungan keselamatan pada tahap yang sama.

PEMINDAAN

Kami boleh meminda dan mengubah terma-terma Data ini dari semasa ke semasa tanpa pengetahuan terlebih dahulu dengan memaparkan Dasar yang dikemaskini di laman web kami. Penggunaan perkhidmatan kami atau interaksi atau komunikasi anda dengan kami yang berterusan setelah pemindaan ataupun perubahan pada Dasar ini akan diambil sebagai penerimaan anda terhadap apa-apa pengubahsuaian atau pindaan yang dilakukan.

PIHAK KETIGA

Kami boleh meminta bantuan anda untuk mendapatkan persetujuan pihak ketiga yang Data Peribadinya diberikan kepada kami oleh anda dan anda di sini bersetuju untuk berusaha sedaya upaya untuk membuat demikian.

PERBAHASAAN

Dasar ini dikemukakan kepada semua pengguna/pelanggan dan bakal pengguna/pelanggan kami selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Jikalau terdapat sebarang percanggahan antara Dasar ini yang berbahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia, Dasar berbahasa Inggeris akan diutamakan.